

Ke arah memutuskan rantai COVID-19

UMS antara enam universiti awam jadi pusat pengeluaran pensanitasi tangan secara percuma



KOMITED: Sekumpulan penyelidik dari FSSA bertungkus lumus menghasilkan pensanitasi tangan untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan.

MAKMAL Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi antara enam makmal universiti awam yang dijadikan pusat pengeluaran pensanitasi tangan yang diberikan secara percuma untuk diedarkan di negeri masing-masing.

UMS melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam yang diketuai Prof. Dr. How Siew Eng bersama kumpulan penyelidik dari sektor sains telah menghasilkan 93 liter pensanitasi tangan kepada pekerja barisan hadapan di Sabah sepanjang tempoh kawalan COVID-19 ini.

Pengeluaran pensanitasi tangan itu adalah di bawah projek Function of Science, satu inisiatif program Global Innovation through Science and Technology (GIST) kerajaan Amerika Syarikat di Malaysia yang mendapat tajaan bahan mentah daripada badan-badan korporat.

Menurut Pengarah GIST Murali Prasad Y. Vanda-



PENSANITASI: Kakitangan FSSA UMS menunjukkan pensanitasi tangan yang telah siap dihasilkan.

yar, antara badan korporat yang memberi tajaan adalah Lendlease, Yayasan MRCB, Tessolve Semiconductor, WWRC, Mayplas Packaging, Apical Scientific, MITR Mediservice, Acme Chemicals, penderma perseorangan dan lain-lain.

“Program ini bertujuan meringankan beban petugas barisan hadapan yang terpaksa berdepan dengan harga pensanitasi tangan yang mahal semasa pandemik COVID-19.

“Penggunaan pensanitasi tangan ini amat perlu di saat mereka bertugas kerana ketiadaan sumber sabun dan air yang berhampiran untuk membersihkan tangan,” katanya.

Kandungan pensanitasi



PERLINDUNGAN: Petugas pembersihan juga dibekalkan dengan pensanitasi tangan bagi tujuan perlindungan dan kebersihan diri.



AGIH: Pensanitasi tangan diagihkan kepada pengawal keselamatan yang mudah terdedah dengan jangkitan COVID-19 apabila berhadapan dengan orang awam.

tangan yang dihasilkan juga, katanya, telah diselaraskan di kesemua universiti dan mematuhi garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan

dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul berkata, UMS amat berbesar hati untuk menyumbang tenaga kerja sukarela dan fasiliti untuk menghasilkan pensanitasi tangan secara percuma.

“Ini adalah salah satu usaha

dan sumbangan UMS dalam membantu memutuskan rantaian COVID-19 melalui pengedaran pensanitasi tangan ini kepada petugas barisan hadapan yang memerlukan,” katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua perderma dan tenaga kerja UMS yang telah bertungkus lumus menghasilkan pensanitasi tangan itu di makmal.

Dijangka sebanyak 1,000 liter pensanitasi tangan akan dihasilkan apabila stok bahan kimia telah tiba di Kota Kinabalu kelak.

Selain UMS, universiti awam yang terlibat bagi fasa pertama projek tersebut adalah Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak.